

CABARAN INOVASI 2012

Kategori Pengurusan Dalaman

**Sistem Pemantauan
Tanah Persekutuan
(SPTP)**

Bahagian Korporat (BKOR)
KUMPULAN
INSPIRASI

ISI KANDUNGAN

1. Ringkasan Eksekutif.....	2
2. Pengenalan.....	3
3. Laporan Inovasi	
a) Tujuan Projek Inovasi.....	5 - 6
b) Proses Pelaksanaan Inovasi.....	7 - 8
c) Keadaan Sebelum Projek Inovasi	9
d) Keadaan Selepas Projek Inovasi.....	10
e) Faedah dan Impak Inovasi	11 - 13
f) Implikasi Kewangan.....	13
g) Panduan Pengisian Sistem Pemantauan Tanah (SPTP).....	14 - 18
(Untuk Pentadbir Sistem sahaja)	
h) Lampiran.....	19
4. Penutup.....	20

1. RINGKASAN EKSEKUTIF

Sistem Pemantauan Tanah Persekutuan (SPTP) adalah satu sistem baru yang dibina secara ‘in-house’ oleh sekumpulan kakitangan di Bahagian Korporat. Ianya adalah satu cara yang difikirkan sebagai alternatif untuk memudahkan proses merekod dan pemantauan terhadap tanah-tanah persekutuan yang telah diambilbalik melalui proses pengambilan balik tanah (pbt) bagi melaksanakan projek-projek di bawah Jabatan Pengairan & Saliran Malaysia. Ianya juga bagi memastikan proses-proses atau prosedur tanah yang telah diambil sejajar seperti tatacara yang telah perlu dipatuhi mengikut Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 dan juga Pekeliling Perbendaharaan Bil 2 Tahun 1987, ‘Pengurusan Tanah-tanah Yang Diambilbalik oleh Kerajaan Persekutuan Untuk Projek-projek Pembangunan’.

Sebelum ini, proses dan maklumat pembayaran bagi pengambilan balik tanah direkod menggunakan jadual ‘excel’ yang biasa dan tiada pemantauan dilakukan selepas proses pengambilan balik tanah selesai. Hakikat yang sebenar, proses tersebut belum berakhir selagi tanah-tanah persekutuan yang diambilbalik untuk projek-projek pembangunan tersebut tidak dibuat perizaban/pemberimilikan seperti yang disebut di dalam pekeliling berkenaan. Dengan adanya sistem ini, pemantauan dapat dilakukan dengan lebih mudah, sistematik dan juga dapat memastikan prosedur kerja dapat dijalankan dengan lebih teratur.

2. PENGENALAN

Setiap tahun, Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) memperuntukkan sejumlah kos pengambilan balik tanah bagi projek-projek pembangunan yang telah dirancangkan. Mengikut rekod, sejumlah hampir RM670 juta diperuntukan untuk kos pengambilan balik tanah bagi projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia ke 8 dan ke 9 (RMK8 dan RMK9) dan anggaran RM200 juta diperuntukkan di dalam Rancangan Malaysia ke 10 (RMK10). Ianya satu jumlah yang bukan sedikit. Terdapat tanah-tanah yang telah diambil balik itu tidak dapat digunakan bagi sesuatu projek dengan segera. Ada diantara tanah-tanah tersebut terbiar tanpa mendapat sebarang hasil walaupun terdapat sumber-sumber yang boleh mendatangkan hasil seperti tanaman dan sebagainya. Tanah-tanah yang terbiar akan terdedah kepada masalah pencerobohan seperti setinggan ataupun pencerobohan oleh orang awan yang mengusahakan tanah tersebut secara haram. Kerajaan akan mengalami masalah untuk mengosongkan kembali tanah-tanah berkenaan apabila projek telah sedia untuk dijalankan. Untuk mengatasi masalah tersebut yang mungkin menyebabkan kerugian kerajaan dan pencerobohan ke atas tanah terbiar, maka pengurusan dan pemantauan tanah perlu dilakukan secara efektif.

Sehingga kini, semua tanah-tanah telah dibuat pengambilan melalui proses pengambilan balik tanah (pbt) terhenti selepas dibuat pembayaran. Ini bermaksud, selepas borang 'K' (Pemberitahuan Bahawa Tanah Telah Diambil Milik) dikeluarkan, tiada perizaban / pemberimilikan oleh kementerian dilakukan. Di dalam Pekeliling Perbadahaan Bil 2 Tahun 1987 ada menerangkan tanah yang telah diambil menjadi hak Kerajaan Negeri dan

kementerian perlulah dengan segera mengemukakan permohonan perizaban / pemberimilikan terhadap tanah tersebut.

“ Mengikut Akta Pengambilan Balik Tanah 1960, tanah yang diambil balik menjadi hak Kerajaan Negeri sebaik-baik sahaja Borang ‘K’ dikeluarkan. Seterusnya Kementerian yang baginya tanah itu diambilbalik hendaklah dengan segera mengemukakan borang permohonan tanah Kerajaan Negeri melalui Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan kepada Kerajaan Negeri. Sebaik-baik sahaja suatu suratan hak milik atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan didaftarkan, maka Kerajaan Persekutuan mempunyai hak ke atas tanah itu....”

Oleh yang demikian, maka pemantauan terhadap tanah-tanah persekutuan yang telah diambil balik perlu dilakukan bagi memastikan pekeliling Perbendaharaan Bil 2 Tahun 1987 dipatuhi. Di dalam Sistem Pemantauan Tanah Persekutuan (SPTP) ini, perkara utama yang dititikberatkan di dalam elemen pemantauan ialah memastikan Borang ‘K’ dapat dikumpulkan dan direkod kerana ianya merupakan salah satu dokumen yang ‘wajib’ disertakan untuk permohonan perizaban / pemberimilikan tanah-tanah tersebut di samping beberapa dokumen lain mengikut peraturan atau prosedur yang telah ditetapkan.

3. LAPORAN INOVASI

(a) Tujuan Projek Inovasi

Tujuan Sistem Pemantauan Tanah Persekutuan (SPTP) diwujudkan adalah seperti berikut.

- i. Sebagai kaedah penambahbaikan kepada sistem merekod maklumat pembayaran bagi pengambilan balik tanah dimana sebelum ini semua maklumat direkod menggunakan ‘excel’. Dengan altenatif ini, proses merekod akan lebih cepat dan lebih efekfif serta teratur.
- ii. Memastikan semua dokumen yang digunakan dan diperolehi semasa proses pengambilan balik tanah dapat direkod dan disimpan dengan teliti terutamanya Borang ‘K’ di mana sebelum ini didapati banyak Borang ‘K’ yang dikeluarkan tiada dalam simpanan pemohon sama ada tidak dapat dijumpai atau pun hilang. Ini adalah penyebab utama proses perizaban / pemberimilikan tidak dapat dibuat dan Pekeliling Perbendaharaan Bil 2 tahun 1987 tidak dapat dipatuhi sepenuhnya.
- iii. Sebagai satu platform untuk memastikan tanah-tanah persekutuan yang telah diambil mengikut dan mematuhi semua peraturan yang telah ditetapkan bagi memastikan tiada masalah

timbul dikemudian hari yang boleh memungkinkan pihak kerajaan / jabatan mengalami kerugian.

- iv. Dengan adanya sistem ini juga, tanah-tanah yang telah diambil dapat dipantau status semasa berikutan rekod yang teratur dan mudah untuk diakses. Tindakan yang sepatutnya diambil ke atas tanah-tanah berkenaan juga dapat dipantau dengan lebih berkesan.
- v. Sebagai rujukan, peringatan serta panduan kepada semua warga JPS (bahagian/negeri/projek) yang terlibat dengan pengambilan balik tanah kerana pemantauan akan dilakukan secara berkala.
- vi. Semua tanah-tanah yang telah diambil dapat dipantau untuk dibangunkan mengikut perancangan yang telah ditetapkan dan secara langsung dapat menjaga kepentingan hak milik tanah Kerajaan Persekutuan.

(b) Proses Pelaksanaan Inovasi

Sistem Pemantauan Tanah Persekutuan ini mula diwujudkan pada awal tahun 2012 dalam mengenalpasti satu kaedah baru bagi menggantikan kaedah konvensional yang digunakan bagi merekod maklumat pengambilan balik tanah. Kaedah ini difikirkan sebagai salah satu penyelesaian bagi memastikan tugas-tugas sehari-hari yang dilakukan dengan lebih mudah, teratur dan sistematis di samping memastikan kerja atau proses yang digunakan mengikut tatacara tertentu yang telah ditetapkan.

Pada awalnya, ada cadangan untuk membina sistem ini menggunakan ‘*web base*’ di mana semua data-data yang diperlukan dapat diisi oleh semua pihak yang terlibat dan dapat diakses di mana-mana sahaja jika terdapat talian internet, namun beberapa kekangan timbul. Sebagai permulaan dan perintis, sistem ini dibina menggunakan ‘*access*’ dimana penggunaannya sungguh mudah serta pembinaan sistem juga dapat dilakukan secara ‘*in house*’ tanpa melibatkan sebarang kos.

Sebagai platform kepada sistem ini, maklumat yang telah direkodkan menggunakan ‘*excel*’ telah diterjemahkan menggunakan ‘*access*’ menjadikan kaedah yang digunakan untuk merekod lebih mudah dan mengambil masa yang lebih pantas. Sistem ini dikendalikan oleh pegawai yang telah ditetapkan dan semua maklumat akan direkod dan dipantau secara berkala. Semua maklumat yang direkod ke dalam sistem ini boleh dilihat dan laporan boleh dikeluarkan untuk tindakan selanjutnya.

Sebagai permulaan, data terkini dan sediada digunakan bagi memastikan sistem dapat digunakan dengan berkesan. Dalam masa yang sama maklumat-maklumat terdahulu yang direkod menggunakan kaedah lama akan dipindahkan ke dalam sistem ini secara berperingkat dan mengikut keperluan.

Apa yang ingin dicapai, seperti yang telah diterangkan sebelum ini adalah memastikan semua dokumen yang digunakan dan diperolehi semasa proses pengambilan balik tanah dapat direkod dan disimpan dengan teliti terutamanya Borang ‘K’ di mana sebelum ini didapati banyak Borang ‘K’ yang dikeluarkan tiada dalam simpanan pemohon sama ada tidak dapat dijumpai atau pun hilang. Ini adalah penyebab utama proses perizaban / pemberimilikan tidak dapat dibuat dan Pekeliling Perbendaharaan Bil 2 tahun 1987 tidak dapat dipatuhi sepenuhnya.

Dengan adanya sistem pemantauan dan kaedah merekod yang sistematik, tindakan atau prosedur seterusnya akan dapat berjalan dengan lebih teratur di samping dapat menjadi rujukan kepada pihak yang terlibat dengan proses pengambilan balik tanah ini.

Penambahbaikan akan dilakukan dari semasa ke semasa ke atas sistem ini bagi memastikan objektif utama dapat dicapai dan dapat memberi manfaat kepada pihak yang terlibat khususnya kakitangan yang dipertanggungjawabkan dalam menguruskan tugas tersebut.

(c) Keadaan Sebelum Projek Inovasi

Daripada pemerhatian yang dibuat sebelum terciptanya sistem ini, beberapa keadaan yang dirasakan tidak dapat memenuhi prosedur kerja dan menjadi kekangan dalam tugas sehari-hari telah dikenalpasti. Antara keadaan sebelum projek inovasi dijalankan adalah seperti berikut :

- i. Tiada pemantauan dilakukan terhadap tanah-tanah yang diambil balik selepas Borang ‘K’ dikeluarkan. Ini menyebabkan ada diantara borang tersebut telah hilang atau tidak dapat dijumpai dan proses perizaban / pemberimilikan terhadap tanah tersebut tidak dapat dilakukan. Sehingga kini tiada rekod menunjukkan tanah-tanah persekutuan yang telah dibuat pengambilan diteruskan dengan proses perizaban / pemberimilikan yang sepatutnya dilakukan mengikut pekeliling.
- ii. Masalah utama yang timbul adalah kehilangan borang ‘K’ yang telah dikeluarkan kepada pemohon. Sebelum ini Bahagian Korporat tidak mempunyai salinan borang tersebut.
- iii. Tiada sistem rekod yang teratur dan khusus bagi setiap pengambilan balik tanah untuk dijadikan rujukan dan dari masa ke semasa melainkan hanya rekod pembayaran.
- iv. Fail-fail atau maklumat berkaitan sesuatu pengambilan tanah tidak dapat diakses dengan cepat dan mudah berikutan semua rekod pengambilan hanya sehingga proses pembayaran.

(d) Keadaan Selepas Projek Inovasi

Sebagai permulaan merekod maklumat menggunakan Sistem Pemantauan Tanah Persekutuan (SPTP), hanya maklumat baru selesai pengambilan sahaja direkodkan. Maklumat yang direkod adalah maklumat pengambilan balik tanah bagi projek-projek persekutuan di bawah RMK 9 termasuk sambungan ke RMK 10. Maklumat berkenaan adalah maklumat yang diperolehi selepas sesuatu projek selesai dibuat pembayaran dan mempunyai maklumat lengkap merangkumi butiran projek (14 digit), nama projek, kos projek, tarikh mula dan siap, jumlah lot yang terlibat serta lain-lain maklumat yang berkaitan (seperti yang akan dipaparkan di dalam laporan yang boleh diakses menggunakan SPTP ini).

Antara hasil yang dapat dilihat dan dikenalpasti selepas projek inovasi adalah seperti berikut :

- i. Proses penyimpanan maklumat lebih teratur dan lebih mudah dicapai.
- ii. Segala maklumat pengambilan bagi setiap projek yang telah dibayar lebih senang dilihat dan lebih senang dipantau untuk tindakan selanjutnya (proses perizaban)
- iii. Kesediaan borang 'K' (dokumen terpenting bagi permohonan perizaban) dapat dikenalpasti dengan mudah dan tindakan dapat dialukan dengan lebih pantas.
- iv. Rekod maklumat lebih senang dikemaskini dan dipantau dari masa ke semasa.

(e) Faedah dan Impak Inovasi

Walaupun Sistem Pemantauan Tanah Persekutuan (SPTP) ini bukanlah sistem yang begitu canggih, namun ianya dapat membantu dari beberapa aspek dan dapat menjadikan kerja harian lebih mudah dan dapat memberi manfaat kepada kakitangan / pegawai yang diberi tanggungjawab untuk melaksanakan kerja / tugas-tugas berkenaan.

Antara beberapa faedah atau respons positif yang dapat dikenalpasti merangkumi pelbagai aspek seperti berikut :

- i. Faedah terhadap kakitangan / pegawai yang bertanggungjawab melaksanakan kerja
 - Dengan adanya sistem ini, kakitangan /pegawai yang bertanggungjawab dapat menjalankan kerja dengan lebih cepat dan mudah berikutan sistem yang ringkas dan mudah digunakan. Disamping itu juga, maklumat yang diperlukan dapat diperolehi dengan lebih mudah dan cepat. Pemantauan juga dapat dilakukan dengan sistematik dan lebih berkesan.
- ii. Faedah terhadap penggunaan masa
 - Maklumat pengambilan dan pemantauan dapat disimpan dan direkod dengan lebih pantas dari sebelumnya kerana sistem ini sangat ringkas, mudah digunakan dan juga senang untuk dibuat pengemaskinian. Oleh itu, masa yang digunakan adalah lebih pantas sejajar dengan perkembangan

era masa kini yang memerlukan semua kerja dilakukan dengan pantas dan efektif.

- iii. Faedah terhadap penglibatan kos
 - Sangat menjimatkan kos kerana sistem yang dibina hanya menggunakan produk sediada dan pembinaan sistem ini juga dijalankan secara ‘in house’ di mana tiada kos upah diperlukan. Kos penyengaraan (maintenance) juga tidak diperlukan kerana iaanya boleh dibuat oleh individu sahaja.
- iv. Faedah terhadap produktiviti
 - Hasil dan mutu produktiviti juga dapat dipertingkatkan kerana maklumat yang direkod / dikemaskini adalah lebih teratur dan pemantauan dapat dilakukan dengan lebih pantas dan efisen.
- v. Faedah terhadap kebolehupayaan pengguna (Accessability)
 - Sistem ini bolehlah dikategorikan sebagai mesra pengguna dan mudah diakses serta mudah difahami. Sistem ini juga ringkas dan tidak mempunyai banyak menu untuk diisikan dan hanya melibatkan maklumat yang diperolehi semasa proses pembayaran balik tanah untuk sesuatu projek persekutuan dilaksanakan sekaligus memudahkan pegawai yang bertanggungjawab merekod maklumat berkenaan.

- Buat masa sekarang, sistem ini hanya digunakan oleh pentadbir sistem (kakitangan / pegawai yang terlibat) dan hanya boleh diakses menggunakan komputer pentadbir sistem berkenaan sahaja. Walau bagaimanapun, ada perancangan untuk menaiktaraf sistem ini bagi membolehkan sistem ini digunakan oleh semua warga pada masa akan datang mengikut perancangan asal pembinaan sistem ini.

(f) Implikasi Kewangan

Inovasi ini tidak mendatangkan sebarang implikasi kewangan kerana ianya dibuat secara “*in-house*”. Untuk tujuan penyenggaraan (maintenance) pula, hanya pegawai / pentadbir sistem di Bahagian Korporat sahaja memadai untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan pada sistem ini.

(g) Panduan Pengisian Sistem Pemantauan Tanah Persekutuan

(SPTP) – untuk pentadbir sistem sahaja



Langkah 1 – Sila Klik Fail Program SPTP di ruangan Desktop

KATEGORI PENGURUSAN DALAMAN

MAKLUMAT PROJEK

BIL: P23-16700-014
NEGERI/PROJEK: SARAWAK
NAMA PROJEK: RTB BANDARAYA KUCHING FASA 1
KOS PROJEK (RM): 148,814,356.00
TARIKH MULA: 9/1/2008
TARIKH SIAP: 3/31/2010

MAKLUMAT PENGAMBILAN BALIK TANAH

JUMLAH LOT TERLIBAT "pbt": 155
KELUASAN "pbt" (ha): 276
JUMLAH LOT "pbt" TELAH BAYAR (BIL LOT): 76
JUMLAH AMAUN "pbt" TELAH BAYAR (RM): 91,790,000.00
JUMLAH LOT "pbt" SELESAI BORANG 'K': 76
MAKLUMAT LAIN YANG BERKAITAN: DALAM PELAKSANAAN

TINDAKAN BAHAGIAN KORPORAT **Note: "pbt" - Pengambilan Balik Tanah

BORANG 'K' LENGKAP DITERIMA: 0

Salinan Pelan Lengkap (Mengikut Skala) disahkan oleh pentadbir tanah
** Salinan Pelan Lengkap (Kecuali Negeri Melaka 45 Salinan Pelan Langkap)

Borang permohonan Tanah mengikut Kaedah Tanah negeri di Semenanjung (Borang jadual 1), bagi sabah_sarawak (Borang Jadual III Borang LS 80)

Borang 'K' bagi tanah yang melibatkan "pbt" di bawah APT 1960

Borang pengesahan status tanah
 Bayaran Permohonan [Sila KLIK](#)
 Permohonan mestilah melalui Kementerian masing-masing

PERMOHONAN PERIZABAN/PEMBERIMILIKAN TELAH DIHANTAR KE NRE

Catatan [PAPARAN LAPORAN](#) [CETAK LAPORAN](#)

Langkah 2 – Skrin paparan Sistem Pemantauan Tanah Persekutuan

MAKLUMAT PROJEK

BIL: P23-16700-014
NEGERI/PROJEK: SARAWAK
NAMA PROJEK: RTB BANDARAYA KUCHING FASA 1
KOS PROJEK (RM): 148,814,356.00
TARIKH MULA: 9/1/2008
TARIKH SIAP: 3/31/2010

MAKLUMAT PENGAMBILAN BALIK TANAH

JUMLAH LOT TERLIBAT "pbt": 155
KELUASAN "pbt" (ha): 276
JUMLAH LOT "pbt" TELAH BAYAR (BIL LOT): 76
JUMLAH AMAUN "pbt" TELAH BAYAR (RM): 91,790,000.00
JUMLAH LOT "pbt" SELESAI BORANG 'K': 76
MAKLUMAT LAIN YANG BERKAITAN: DALAM PELAKSANAAN

TINDAKAN BAHAGIAN KORPORAT **Note: "pbt" - Pengambilan Balik Tanah

BORANG 'K' LENGKAP DITERIMA: 0

Salinan Pelan Lengkap (Mengikut Skala) disahkan oleh pentadbir tanah
** Salinan Pelan Lengkap (Kecuali Negeri Melaka 45 Salinan Pelan Langkap)

Borang permohonan Tanah mengikut Kaedah Tanah negeri di Semenanjung (Borang jadual 1), bagi sabah_sarawak (Borang Jadual III Borang LS 80)

Borang 'K' bagi tanah yang melibatkan "pbt" di bawah APT 1960

Borang pengesahan status tanah
 Bayaran Permohonan [Sila KLIK](#)
 Permohonan mestilah melalui Kementerian masing-masing

PERMOHONAN PERIZABAN/PEMBERIMILIKAN TELAH DIHANTAR KE NRE

Catatan [PAPARAN LAPORAN](#) [CETAK LAPORAN](#)

Langkah 3 – Sila klik butang New Blank Record untuk memulakan pengisian maklumat projek

KATEGORI PENGURUSAN DALAMAN

MAKLUMAT PROJEK

BIL: 16
BUTIRAN: P23-16700-001-000
NEGERI/PROJEK: KELANTAN
NAMA PROJEK: NAIKTARAF SUNGAI GOLOK
KOS PROJEK (RM): 1,000,000.00
TARIKH MULA: 9/1/2012
TARIKH SIAP: 12/31/2012

MAKLUMAT PENGAMBILAN BALIK TANAH

JUMLAH LOT TERLIBAT "pbt": 0
KELUASAN "pbt" (ha): 0
JUMLAH LOT "pbt" TELAH BAYAR (BIL LOT): 0
JUMLAH AMAUN "pbt" TELAH BAYAR (RM): 0.00
JUMLAH LOT "pbt" SELESAI BORANG 'K': 0
MAKLUMAT LAIN YANG BERKAITAN:

TINDAKAN BAHAGIAN KORPORAT **Note: "pbt" - Pengambilan Balik Tanah

BORANG 'K' LENGKAP DITERIMA:

Salinan Pelan Lengkap (Mengikut Skala) ,disahkan oleh pentadbir tanah
** Salinan Pelan Lengkap (Kecuali Negeri Melaka 45 Salinan Pelan Langkap)

Borang permohonan Tanah mengikut Kaedah Tanah negeri di Semenanjung (Borang jadual 1), bagi sabah,sarawak (Borang Jadual III Borang LS 80)

Borang 'K' bagi tanah yang melibatkan "pbt" di bawah APT 1960

Borang pengesahan status tanah
 Bayaran Permohonan [Sila KLIK](#)
 Permohonan mestilah melalui Kementerian masing - masing

PERMOHONAN PERIZABAN/PEMBERIMILIKAN TELAH DIHANTAR KE NRE

Catatan [PAPARAN LAPORAN](#) [CETAK LAPORAN](#)

Langkah 4 – Sila isikan maklumat projek di ruangan yang disediakan

MAKLUMAT PROJEK

BIL: 16
BUTIRAN: P23-16700-001-000
NEGERI/PROJEK: KELANTAN
NAMA PROJEK: NAIKTARAF SUNGAI GOLOK
KOS PROJEK (RM): 1,000,000.00
TARIKH MULA: 9/1/2012
TARIKH SIAP: 12/31/2012

MAKLUMAT PENGAMBILAN BALIK TANAH

JUMLAH LOT TERLIBAT "pbt": 10
KELUASAN "pbt" (ha): 1
JUMLAH LOT "pbt" TELAH BAYAR (BIL LOT): 0
JUMLAH AMAUN "pbt" TELAH BAYAR (RM): 0.00
JUMLAH LOT "pbt" SELESAI BORANG 'K': 0
MAKLUMAT LAIN YANG BERKAITAN: DALAM PELAKSANAAN

TINDAKAN BAHAGIAN KORPORAT **Note: "pbt" - Pengambilan Balik Tanah

BORANG 'K' LENGKAP DITERIMA:

Salinan Pelan Lengkap (Mengikut Skala) ,disahkan oleh pentadbir tanah
** Salinan Pelan Lengkap (Kecuali Negeri Melaka 45 Salinan Pelan Langkap)

Borang permohonan Tanah mengikut Kaedah Tanah negeri di Semenanjung (Borang jadual 1), bagi sabah,sarawak (Borang Jadual III Borang LS 80)

Borang 'K' bagi tanah yang melibatkan "pbt" di bawah APT 1960

Borang pengesahan status tanah
 Bayaran Permohonan [Sila KLIK](#)
 Permohonan mestilah melalui Kementerian masing - masing

PERMOHONAN PERIZABAN/PEMBERIMILIKAN TELAH DIHANTAR KE NRE

Catatan [PAPARAN LAPORAN](#) [CETAK LAPORAN](#)

Langkah 5 – Sila isikan maklumat pengambilan balik tanah diruangan yang disediakan

KATEGORI PENGURUSAN DALAMAN

MAKLUMAT PROJEK

BIL: 16
BUTIRAN: P23-16700-001-000
NEGERI/PROJEK: KELANTAN
NAMA PROJEK: NAIKTARAF SUNGAI GOLOK
KOS PROJEK (RM): 1,000,000.00
TARIKH MULA: 9/1/2012
TARIKH SIAP: 12/31/2012

MAKLUMAT PENGAMBILAN BALIK TANAH

JUMLAH LOT TERLIBAT "pbt": 10
KELUASAN "pbt" (ha): 1
JUMLAH LOT "pbt" TELAH BAYAR (BIL LOT): 10
JUMLAH AMAUN "pbt" TELAH BAYAR (RM) : 10,000,000.00
JUMLAH LOT "pbt" SELESAI BORANG 'K': 10
MAKLUMAT LAIN YANG BERKAITAN: PROJEK SIAP

TINDAKAN BAHAGIAN KORPORAT **Note: "pbt" - Pengambilan Balik Tanah

BORANG 'K' LENGKAP DITERIMA: 10

Salinan Pelan Lengkap (Mengikut Skala) _disahkan oleh pentadbir tanah
** 8 Salinan Pelan Lengkap (Kecuali Negeri Melaka 45 Salinan Pelan Langkap)

Borang permohonan Tanah mengikut Kaedah Tanah negeri di Semenanjung (Borang Jadual 1), bagi sabah ,sarawak (Borang Jadual III Borang LS 80)

Borang 'K' bagi tanah yang melibatkan "pbt" di bawah APT 1960

Borang pengesahan status tanah
 Bayaran Permohonan **Sila KLIK**
 Permohonan mestilah melalui Kementerian masing - masing

PERMOHONAN PERIZABAN/PEMBERIMILIKAN TELAH DIHANTAR KE NRE

Catatan: **PAPARAN LAPORAN** **CETAK LAPORAN**

Langkah 6 – Sila isikan lengkapkan senarai semak (check box) di ruangan tindakan Bahagian Korporat

MAKLUMAT PROJEK

BIL: 16
BUTIRAN: P23-16700-001-000
NEGERI/PROJEK: KELANTAN
NAMA PROJEK: NAIKTARAF SUNGAI GOLOK
KOS PROJEK (RM): 1,000,000.00
TARIKH MULA: 9/1/2012
TARIKH SIAP: 12/31/2012

MAKLUMAT PENGAMBILAN BALIK TANAH

JUMLAH LOT TERLIBAT "pbt": 10
KELUASAN "pbt" (ha): 1
JUMLAH LOT "pbt" TELAH BAYAR (BIL LOT): 10
JUMLAH AMAUN "pbt" TELAH BAYAR (RM) : 10,000,000.00
JUMLAH LOT "pbt" SELESAI BORANG 'K': 10
MAKLUMAT LAIN YANG BERKAITAN: PROJEK SIAP

TINDAKAN BAHAGIAN KORPORAT **Note: "pbt" - Pengambilan Balik Tanah

BORANG 'K' LENGKAP DITERIMA: 10

Salinan Pelan Lengkap (Mengikut Skala) _disahkan oleh pentadbir tanah
** 8 Salinan Pelan Lengkap (Kecuali Negeri Melaka 45 Salinan Pelan Langkap)

Borang permohonan Tanah mengikut Kaedah Tanah negeri di Semenanjung (Borang Jadual 1), bagi sabah ,sarawak (Borang Jadual III Borang LS 80)

Borang 'K' bagi tanah yang melibatkan "pbt" di bawah APT 1960

Borang pengesahan status tanah
 Bayaran Permohonan **Sila KLIK**
 Permohonan mestilah melalui Kementerian masing - masing

PERMOHONAN PERIZABAN/PEMBERIMILIKAN TELAH DIHANTAR KE NRE

Catatan: **PAPARAN LAPORAN** **CETAK LAPORAN**

Langkah 7– Untuk melihat Senarai harga bayaran permohonan
Sila Klik butang - **Sila Klik**

KATEGORI PENGURUSAN DALAMAN

BIL	NEGERI	JUMLAH (RM)
1	JOHOR	30.00
2	KEDAH	50.00
3	KELANTAN	0.00
4	MELAKA	0.00
5	NEGERI SEMBILAN	50.00
6	PAHANG	0.00
7	PERAK	30.00
8	PERLIS	0.00
9	PULAU PINANG	100.00
10	SELANGOR	0.00
11	TERENGGANU	100.00
12	WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	100.00
13	SABAH & WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN	0.00
14	SARAWAK	0.00
*	###	0.00

Langkah 8– Paparan Senarai Bayaran Pendaftaran permohonan Perizabam Mengikut Negeri

MAKLUMAT PROJEK		MAKLUMAT PENGAMBILAN BALIK TANAH	
BIL:	16	JUMLAH LOT TERLIBAT "pbt":	10
BUTIRAN:	P23-16700-001-000	KELUASAN "pbt" (ha):	1
NEGERI/PROJEK:	KELANTAN	JUMLAH LOT "pbt" TELAH BAYAR (BIL LOT):	10
NAMA PROJEK:	NAIKTARAF SUNGAI GOLOK	JUMLAH AMAUN "pbt" TELAH BAYAR (RM) :	10,000,000.00
KOS PROJEK (RM):	1,000,000.00	JUMLAH LOT "pbt" SELESAI BORANG 'K':	10
TARIKH MULA:	9/1/2012	MAKLUMAT LAIN YANG BERKAITAN:	PROJEK SIAP
TARIKH SIAP:	12/31/2012		

TINDAKAN BAHAGIAN KORPORAT **Note: "pbt" - Pengambilan Balik Tanah

BORANG 'K' LENGKAP DITERIMA:

Salinan Pelan Lengkap (Mengikut Skala) disahkan oleh pentadbir tanah
 ** 8 Salinan Pelan Lengkap (Kecuali Negeri Melaka 45 Salinan Pelan Langkap)

Borang permohonan Tanah mengikut Kaedah Tanah negeri di Semenanjung (Borang jadual 1), bagi sabah,sarawak (Borang Jadual III Borang LS 80)

Borang 'K' bagi tanah yang melibatkan "pbt" di bawah APT 1960

PERMOHONAN PERIZABAN/PEMBERIMILIKAN TELAH DIHANTAR KE NRE


Catatan: RUKJUK SURAT BIL PPS.PS.08/2/5 BERTARIKH 31/12/2012

Borang pengesahan status tanah
 Bayaran Permohonan

Permohonan mestilah melalui Kementerian masing - masing

Langkah 9 – Sila klik check box Jika Permohonan perizabam/pemberimilikan telah dihantar ke NRE (Kementerian)

(i) **Lampiran**



Buku-buku rujukan yang digunakan



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

**PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 2
TAHUN 1987**

**PENGURUSAN TANAH-TANAH YANG DIAMBILBALIK
OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN UNTUK PROJEK-
PROJEK PEMBANGUNAN**

1. Pendahuluan

Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan garis panduan pengurusan tanah-tanah yang diambilbalik oleh Kerajaan Persekutuan bagi tujuan projek-projek Kerajaan. Terdapat tanah yang telah diambilbalik itu tidak dapat digunakan bagi sesuatu projek dengan segera. Ada di antara tanah-tanah itu terbiar begitu sahaja tanpa mendatangkan sebarang hasil walaupun terdapat sumber-sumber yang boleh mendatangkan hasil termasuk tanaman-tanaman seperti getah, kelapa, kelapa sawit, buah-buahan dan sebagainya di atas tanah itu. Tanah-tanah yang terbiar akan terdedah kepada masalah pencerobohan seperti setinggan yang akan mengambil kesempatan mendirikan rumah-rumah haram atau bercucuk tanam. Apabila tiba waktu untuk memulakan projek, Kerajaan menghadapi masalah untuk mengeluarkan setinggan-setinggan tersebut. Untuk mengatasi masalah kerugian Kerajaan Persekutuan dan pencerobohan ke atas tanah yang terbiar itu daripada berterusan maka garis panduan pengurusan tanah-tanah ini dikeluarkan.

2. Tanggungjawab Kementerian

Mengikut Akta Pengambilan Tanah 1960, tanah yang diambilbalik menjadi hak Kerajaan Negeri sebaik-baik sahaja Borang 'K' dikeluarkan. Seterusnya Kementerian yang baginya tanah itu diambilbalik hendaklah dengan segera mengemukakan borang permohonan tanah Kerajaan Negeri melalui Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan kepada Kerajaan Negeri. Sebaik-baik sahaja suatu suratan hak milik atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan didaftarkan, maka Kerajaan Persekutuan mempunyai hak ke atas tanah itu. Kementerian yang baginya tanah itu diambilbalik adalah berkuasa untuk menggunakannya. Pegawai Pengawal Kementerian berkenaan adalah bertanggungjawab di atas perlaksanaan projek-projek di atas tanah itu. Sekiranya projek itu tidak dapat dilaksanakan dengan segera maka tanah itu hendaklah dijaga dan diuruskan dengan sebaik-baiknya.

3. Garis Panduan Pengurusan Tanah

Pegawai Pengawal hendaklah memastikan tanah-tanah itu tidak dicerobohi oleh mana-mana pihak sebelum projek dilaksanakan. Sekiranya tanah tersebut boleh mendatangkan hasil, tindakan perlulah diambil untuk memungut hasil tersebut. Berikut ialah garis panduan bagi pengurusan tanah-tanah berkenaan:

- (a) Semua tanah yang diambilbalik oleh Kerajaan Persekutuan tetapi projek belum dimulakan hendaklah dijaga, dikawal atau diusahakan oleh Kementerian yang untuknya tanah itu diambilbalik.
- (b) Kementerian berkenaan hendaklah memastikan tanah itu masih mendatangkan hasil atau tidak. Selepas bayaran pampasan dibuat, tindakan hendaklah diambil bagi menentukan Borang 'K' (Akta Pengambilan Tanah 1960) dikeluarkan dan surat hakmilik atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan didaftarkan dengan segera.
- (c) Tanah yang berhasil hendaklah disewa atau dipajakkan dengan segera secara tender atau mana-mana cara yang diluluskan. Sekiranya bekas tuan punya tanah diberi pajak atau sewa secara 'negotiation', kadar bayaran hendaklah dipersetujui oleh Perbendaharaan. Kadar itu mestilah realistik dan jika perlu nasihat Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Perbendaharaan hendaklah diperolehi.
- (d) Sewaan atau pajakan adalah disyorkan supaya tidak diberi kepada individu tetapi diberi kepada badan berdaftar, pertubuhan atau seumpamanya. Perjanjian mestilah ditandatangani oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian bagi pihak Kerajaan Persekutuan.
- (e) Jika perjanjian menetapkan bayaran sewaan atau pajakan tertakluk kepada harga pasaran, Kementerian berkenaan hendaklah memastikan pelarasan bayaran sewa atau pajak dibuat dari masa ke semasa. Perjanjian hendaklah

dipatuhi dan bayaran mestilah dipungut mengikut perjanjian. Sebarang kegagalan membuat pembayaran hendaklah diambil tindakan segera mengikut perjanjian.

- (f) Hasil yang dipungut mengikut 'profit-sharing' yang berdasarkan kepada kira-kira pemajak, kira-kira pemajak mestilah dipinta dan disemak dengan teliti.
- (g) Kementerian yang ingin menguruskan ladang-ladang atau kebun itu sendiri mestilah menganggarkan jumlah perbelanjaan dan hasil terlebih dahulu bagi mengelakkan kerugian.
- (h) Kementerian yang selalu mengambil-balik tanah bagi tujuan projek pembangunan hendaklah menyemak semula ke semua tanah diambilbalik dari masa ke semasa untuk memastikan pengurusan dan penjagaannya adalah mengikut garis panduan ini.

4. Perlaksanaan

Pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta merta.



(TAN SRI ZAIN AZRAAI)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

PERBENDAHARAAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR.

TARIKH: 5HB. MAC, 1987.

JADUAL KEDUA

(Seksyen 2 dan 69)

Borang A

Akta Pengambilan Tanah, 1960

(Seksyen 4)

**NOTIS BAHAWA TANAH BERKEMUNGKINAN AKAN
DIAMBIL**

Adalah dengan ini diberitahu bahawa tanah-tanah di tempat yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini, termasuk mana-mana tanah, jika ada, yang dinyatakan mengikut nombor lotnya atau mengikut nombor lot tanah-tanah yang bersempadan dengannya, mungkin diperlukan bagi maksud-maksud yang berikut:

.....
.....

2. Selanjutnya adalah diberitahu bahawa mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pengarah Negeri bagi maksud itu boleh memasuki mana-mana tanah di tempat itu bagi tujuan memeriksa tanah tersebut dan menjalankan kerja-kerja ukur. Pampasan akan dibayar jika berlaku apa-apa kerosakan pada masa menjalankan kerja sedemikian. Apa-apa pertikaian mengenai amaun pampasan itu hendaklah dirujukkan kepada Pentadbir Tanah di

Bertarikh pada haribulan, 19....

Pengarah Negeri

JADUAL

Daerah
Mukim _____

Bandar

Perihal kawasan
.....
.....

BORANG B
Akta Pengambilan Tanah, 1960
(Seksyen 5)
KEBENARAN UNTUK MASUK MENGIKUR

[Pin. Akta
A999]

Kepada

.....
.....

Anda serta pengkhidmat-pengkhidmat dan pekerja-pekerja anda adalah dengan ini diberi kuasa, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan 2, untuk memasuki—

- (i) mana-mana tanah dalam kawasan yang tertakluk kepada suatu pemberitahuan yang dikeluarkan di bawah seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah, atau
- (ii) apa-apa tanah dalam kawasan yang dijadualkan dalam pemberitahuan *Warta No.* yang disiarkan pada*

dan melakukan salah satu daripada yang berikut atau kesemuanya:

- (a) mengikur dan mengambil aras tanah itu;
- (b) menggali atau mengorek tanah bawah;
- (c) melakukan kesemua tindakan lain yang perlu bagi menentukan sama ada tanah itu sesuai dengan tujuan yang ianya hendak diambil;
- (d) menetapkan sempadan-sempadan tanah yang dicadang hendak diambil dan cadangan jenis kerja, jika ada, yang dicadang hendak dibuat di atas tanah itu;
- (e) menandakan aras, sempadan dan garisan itu dengan meletak tanda-tanda dan menggali parit-parit;
- (f) menebang, meruntuh dan membersihkan apa-apa tanaman yang sedia ada, papan atau hutan, jika oleh kesemuanya pengukuran itu tidak dapat disiapkan atau aras tanah itu dapat diambil, atau sempadan atau garis kerja itu tidak dapat ditandakan.

2. Anda dan juga mana-mana pengkhidmat atau pekerja anda tidak boleh memasuki mana-mana bangunan atau mana-mana halaman atau taman yang tertutup bersampingan dengan sesuatu rumah kediaman, melainkan jika pada telah terlebih dahulu mendapat kebenaran penduduknya dalam tiga hari notis secara bertulis mengenai cadangan anda untuk berbuat demikian.

Bertarikh pada haribulan, 19.....

.....
Pengarah Negeri

* Potong mana yang tidak terpakai.

BORANG C

Akta Pengambilan Tanah, 1960

(Seksyen 7)

JADUAL TANAH-TANAH YANG TERLIBAT OLEH PENGAMBILAN

Daerah.....

Mukim/Bandar

No. lot ukur	Hakmilik atau kependudukan	Tuanpunya berdaftar atau penduduk yang direkodkan	Keluasan lot	Anggaran keluasan yang akan diambil

[Pin. Akta
A999]

BORANG D

Akta Pengambilan Tanah, 1960

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah dan kawasan.

Bertarikh pada haribulan, 19.....

Pengarah Negeri

[Jadual seperti dalam Borang C, dipinda, jika perlu, menurut keputusan Pihak Berkuasa Negeri]

BORANG E

[Pin. Akta
A999]

Akta Pengambilan Tanah, 1960

(Seksyen 10)

PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN: NOTIS SIASATAN

Menurut perisytiharaan pengambilan yang dicadangkan bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini, notis adalah dengan ini diberi bahawa suatu siasatan bagi mendengar semua tuntutan pampasan mengenai semua kepentingan pada tanah, akan diadakan pada..... haribulan..... pada jam..... di.....

2. Semua orang yang mempunyai kepentingan pada tanah tersebut sama ada sebagai tuan punya, penduduk, penerima pajak, pemegang gadaian, tenan atau selainnya, adalah dengan ini dikehendaki hadir di hadapan yang bertandatangan di bawah ini pada masa tersebut di atas sama ada sendiri atau melalui ejen dan di situ hendaklah menyatakan-

- (a) jenis kepentingan mereka masing-masing pada tanah itu;
- (b) amaun dan butir-butir tuntutan pampasan mengenai kepentingan itu;
- (c) bantahan mereka, jika ada, terhadap ukuran anggaran keluasan yang diberi dalam Jadual di bawah ini;
- (d) nama mana-mana orang lain yang diketahui oleh pihak itu atau ejennya sebagai mempunyai sesuatu kepentingan pada tanah itu atau mana-mana bahagiannya, dan hendaklah mengemukakan semua dokumen yang berhubungan dengan tuntutan mereka.

3. Selanjutnya notis adalah diberi bahawa penandatangan di bawah ini boleh menghendaki-

- (a) supaya, dalam mana-mana hal tertentu, sesuatu pernyataan atau pernyataan-pernyataan itu ditulis dan ditandatangani oleh pihak itu atau ejennya;
- (b) mana-mana orang yang memiliki dokumen hak milik keluaran mengenai mana-mana tanah dijadualkan di bawah ini supaya menyerahkan dokumen, sedemikian pada masa siasatan itu.

Bertarikh pada haribulan, 19.....

.....
Pentadbir Tanah

[Jadual dalam Borang D]

BORANG F

Akta Pengambilan Tanah, 1960

(Seksyen 11)

NOTIS MENGHENDAKI KETERANGAN SECARA BERTULIS

Kepada

.....
.....

Bahwasanya yang bertandatangan di bawah itu mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa anda mempunyai pengetahuan tertentu mengenai tanah yang dirujuk dalam notis yang dilampirkan (*Salinan Borang E hendaklah dilampirkan*):

Ambil perhatian bahawa kamu adalah dengan ini diketahui memberi dalam tempoh hari dari tarikh ini, suatu pernyataan secara bertulis menyatakan yang berikut:

- (a) penilaian yang berasingan mengenai tanah tuan pemberian di atasnya, jika ada, menunjukkan asas atas mana penilaian itu dibuat;
- (b) nama tiap-tiap orang yang mempunyai sesuatu kepentingan pada tanah itu atau mana-mana bahagiannya, sama ada sebagai pemunya bersama, pemegang gadaian, penerima pajak, penerima pajak kecil, tenan atau selainnya; dan
- (c) jenis sesuatu kepentingan itu dan amaun sewa dan keuntungan, jika ada, yang didapati atau boleh didapati daripadanya dalam tempoh tiga tahun sebaik sahaja sebelum tarikh notis ini.

Bertarikh pada haribulan, 19.....

.....
Pentadbir Tanah

Saya,, yang
bertandatangan di bawah ini, dengan ini mengakui penerimaan notis di atas.

Bertarikh pada haribulan, 19.....

BORANG G

Akta Pengambilan Tanah, 1960

(Seksyen 14)

AWARD PAMPASAN BERTULIS

Perbicaraan Pengambilan No..... mengenai Tanah-tanah yang dijadualkan dalam Pemberitahuan Warta

Award yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dengan ini dibuat bagi keluasan tanah dinyatakan di dalamnya kepada orang-orang yang berkepentingan pada tanah itu, sebagaimana dinyatakan di bawah ini.

JADUAL

No. lot	Luasnya tanah yang dikehendaki	Orang yang ber-kepentingan	Jenis kepentingan	Pengumpukan award	Untuk kegunaan rasmi

Bertarikh pada haribulan, 19.....

.....
Pentadbir Tanah

BORANG H

[Pin. Akta
A999]

Akta Pengambilan Tanah, 1960

(Seksyen 16)

NOTIS AWARD DAN TAWARAN PAMPASAN

Kepada

.....
.....

Anda adalah dengan ini diberitahu bahawa pada waktu pembicaraan dihadapan yang bertandatangan di bawah ini diadakan pada haribulan suatu award sebagaimana dalam Jadual bersama-sama ini telah dibuat berkenaan dengan tanah-tanah yang dinyatakan yang anda mempunyai kepentingan di dalamnya.

2. Menurut award ini saya dengan ini menawarkan anda wang sebanyak RM yang merupakan amaun yang dinyatakan di bawah ini sebagai pampasan penuh bagi kepentingan anda dalam tanah ini.
3. Sila ambil perhatian bahawa seksyen 29A Akta Pengambilan Tanah, 1960 menghendaki supaya saya memegang dua puluh lima peratus daripada amaun award itu dalam keadaan-keadaan tertentu, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan seksyen tersebut.

Bertarikh pada haribulan, 19.....

.....
Pentadbir Tanah

JADUAL

[Cabutan yang relevan daripada Borang G termasuklah kesemua award, jika ada, kepada orang/orang-lain yang berkepentingan pada tanah itu]

- Saya, yang bertandatangan di bawah dengan ini mengakui menerima tawaran yang tersebut di atas.
2. (a) Saya menerima tawaran itu*; dan
 - (i) saya bersedia untuk hadir di Pejabat Tanah pada apa-apa tarikh ditetapkan untuk menerima bayaran dalam wang tunai/ cek/kiriman wang*; atau
 - (ii) saya meminta amaun sewajarnya itu dihantar kepada saya melalui cek/kiriman wang ke alamat yang tersebut di atas.*
 - (b) Saya menerima tawaran itu dengan bantahan.*
 - (c) Saya tidak menerima tawaran itu.*

Bertarikh pada haribulan, 19.....

* Potong yang tidak berkenaan.

BORANG I

[Pin. Akta
A999]

Akta Pengambilan Tanah, 1960

(Seksyen 19)

PERAKUAN KEDESAKAN

Prosiding Pengambilan No..... Pemberitahuan Warta No.....

Kepada:

Pentadbir Tanah Tanah,

.....
.....

Bahwasanya tanah yang dijadualkan di bawah ini telah diisyiharkan oleh Pemberitahuan Warta tersebut di atas sebagai dikehendaki bagi sesuatu maksud awam atau bagi kemudahan awam:

Dan bahwasanya tanah itu sekarang dikehendaki dengan segera untuk digunakan bagi sesuatu maksud awam atau bagi kemudahan awam:

Maka oleh yang demikian pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 19 Akta Pengambilan Tanah, 1960 saya dengan ini memperakui bahawa tanah itu adalah dikehendaki dengan segera untuk digunakan bagi sesuatu maksud awam atau bagi kemudahan awam dan MENGARAHKAN supaya kamu mengambil tanah itu dengan serta-merta.

Bertarikh pada haribulan, 19.....

.....
.....
Pengarah Negeri

[Jadual seperti dalam Borang D]

BORANG J

[Pin. Akta
A999]

Akta Pengambilan Tanah, 1960

(Seksyen 20)

Kepada:

Penduduk/Pemunya bangunan di atas Lot No.....

Hakmilik No..... Mukim/Bandar

Bahwasanya tanah tersebut di atas telah diambil pada tarikh ini menurut Perakuan Kedesakan yang ditandatangani oleh Pengarah Negeri:

Maka dengan ini saya menghendaki supaya kamu mengosongkan bangunan tersebut di atas yang berada di atas tanah itu dalam tempoh hari daripada tarikh ini.

2. Ambil perhatian bahawa selanjutnya saya menawarkan kepada pemunya premis itu wang pampasan sebanyak \$ yang mana pampasan itu adalah bagi-

- (a) nilai bangunan itu*
- (b) kos memindah dan membina semula bangunan itu di tempat lain.*

Bertarikh pada haribulan, 19.....

.....
Pentadbir Tanah

* Potong mana yang tidak terpakai.

[Pin. Akta
A999]

BORANG K

Akta Pengambilan Tanah, 1960

(Seksyen 22)

NOTIS BAHAWA TANAH TELAH DIAMBIL MILIK

Prosiding Pengambilan No..... Pemberitahuan Warta No.

Adalah dengan ini bahawa pada tarikh ini saya, menuntut seksyen 22 Akta Pengambilan Tanah, 1960 telah mengambil milikan formal tanah yang ditunjukkan dalam Jadual di bawah ini setakat yang dinyatakan dalam ruang terakhir Jadual tersebut.

*Satu salinan Perakuan Kedesakan yang dikeluarkan oleh Pengarah Negeri adalah dilampirkan.

Bertarikh pada haribulan, 19.....

.....
Pentadbir Tanah

[Jadual seperti dalam Borang D sebagaimana yang dipinda]

* Potong jika tidak terpakai.

4. PENUTUP

Harapan kami agar sistem yang dibangunkan ini dapat memberi manfaat dan memudahkan kerja-kerja harian. Ianya juga bertujuan untuk menjamin mutu kerja yang lebih efisen dan efektif agar menaikkan lagi mutu perkhidmatan yang disediakan.

BIBLIOGRAFI

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian. Manual Pengambilan Tanah. Kuala Lumpur.

Jamalludin Harun dan Zaidatun Tasir (2002). Menguasai Perisian Pangkalan Data: Microsoft Access XP (Siri 2). Kuala Lumpur.

Lembaga Penyelidikan Undang-undang (2006). Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56/1965]. International Law Book Services : Selangor.

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1987. Pengurusan Tanah-tanah Yang Diambilbalik Oleh Kerajaan Persekutuan Untuk Projek-projek Pembangunan.